



Anwar merasmikan Menara KWSP di Kwasa Damansara, Shah Alam yang turut dihadiri Ahmad Badri (kiri) dan Amir Hamzah, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

# KWSP perlu tingkat pelaburan tempatan kepada 70 peratus

PM minta institusi lihat semula hala tuju pelaburan seiring aspirasi kerajaan

Oleh Rohaniza Idris, Mahanum Abdul Aziz dan Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menugaskan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) meningkatkan pelaburan tempatan kepada 70 peratus tahun ini daripada 64 peratus pada 2022.

Perdana Menteri juga mahu institusi keselamatan sosial berkenaan melihat kembali hala tuju supaya pelaburan yang dibuat seiring aspirasi kerajaan hari ini yang memberi fokus antaranya kepada pembabitan sektor belia, pertanian sebagai pemangkin keselamatan makanan negara bagi mengurangkan import makanan yang kini bernilai RM60 bilion, di samping menambah lebih banyak penyertaan syarikat pemula.

"Kita (Malaysia) bila naik kadar produktiviti, tapi kadar upah itu masih di tangga yang jauh lebih rendah. Jadi kesenjangan akan terus melebar. Inilah cabaran yang kita harus dapat tangani.

"Keupayaan kerajaan, kalau kita dapat terus cari pelaburan

baharu dan dapat hasil lebih baik, maka kita dapat kembalikan pulangan kepada rakyat," katanya dalam ucapan semasa merasmikan Menara KWSP di Kwasa Damansara, Seksyen U4 di sini, semalam.

Turut hadir Pengerusi KWSP, Tan Sri Ahmad Badri Mohd Zahir; Ketua Pegawai Eksekutif KWSP, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan, Datuk Johan Mahmood Merican.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, pelaburan dalam negara harus mengikut keperluan negara dan rakyat pada masa kini.

"Lebukh raya PLUS, Terowong Smart dan perumahan, semua itu memang dimasuki (KWSP sebagai pelabur). Itu saya akui," katanya.

## Manfaat dinikmati rakyat

Justeru, Anwar menegaskan dan mahu keputusan panel penilai pelaburan KWSP kekal profesional dan tiada campur tangan 'orang atasan' supaya dapat memastikan setiap manfaat dinikmati setiap rakyat.

"Memang pelaburan itu betul, ada strategik bukan sahaja industri, tetapi infrastrukturnya (memang) strategik.

"Cuma bedanya, dalam urusan saya, saya tidak campur urusan pelaburan seperti yang pernah berlaku dalam sejarah KWSP dahulu," katanya.

Beliau juga mahu KWSP menguruskan aset pengurusan yang kini bernilai RM1 trilion berlan-

daskan tata kelola yang baik dan berintegriti.

Sementara itu, penganalisis ekonomi berkata, KWSP mempunyai keupayaan untuk menambah portfolio pelaburan dalam negara namun dengan pertimbangan wajar dan menyeluruh.

Pengarah Program MBA Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata cadangan agar KWSP meningkatkan pelaburan domestik mampu memberi pulangan kompetitif kepada pengurus dana persaraan itu.

Katanya, kepelbagaian portfolio pelaburan domestik semanganya amat penting kerana kalau setakat menambah pelaburan ekuiti di Bursa Malaysia, mungkin sukar mencari pelaburan yang lebih menarik.

"KWSP boleh fokus syarikat pemula yang terbabit teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI), perkomputeran kuantum, tenaga hijau dan sebagainya, dengan menjadi pelabur seperti modal teroka," katanya.

Ketua Ekonomi dan Analisis Pasaran dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, juga berkata syor itu memerlukan pertimbangan berhati-hati, mengambil kira suasana iklim pelaburan serta risiko pelaburan yang bakal dihadapi.

Lazimnya, beliau berkata, pelabur institusi akan menyasarkan portfolio pelaburan berdasarkan Alokasi Aset Strategik (SAA) yang biasanya digunakan untuk tempoh tiga tahun sebelum ia disemak semula.